



## **GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI FASA PERALIHAN**

**PUSAT BOWLING**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**  
**19 November 2021**

## **GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI FASA PERALIHAN : PUSAT BOLING**

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah bagi PUSAT BOWLING beroperasi semasa Fasa Peralihan dalam rangka kerja pemulihan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Fasa peralihan bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi. **Perlaksanaan Pelan Tahap Peralihan** bagi Padang Golf akan bermula pada hari **Jumaat, 13 Rabiulakhir 1443 bersamaan 19 November 2021**, dengan syarat-syarat dan garispanduan yang dikemaskinikan seperti berikut;

1. Hanya individu yang telah menjalani vaksinasi penuh (2 dos) dan mempunyai Bruhealth code berwarna hijau atau kuning sahaja dibenarkan;
1. Penggunaan Pusat Bowling **dibenarkan bagi 4 pemain dalam satu lane** dalam satu masa;
2. Tempoh **penggunaan tidak dihadkan**;
3. Penggunaan **house ball dan house shoes adalah dibenarkan**;
4. **Penganjuran Pertandingan adalah tidak dibenarkan**;
5. **Pemain hendaklah memakai sungkup muka**;
6. **Kafeteria, restoran atau kantin dibenarkan untuk beroperasi pada kadar kapasiti 50%**. Walaubagaimanapun **perkhidmatan buffet adalah tidak dibenarkan**;
7. Kemudahan **locker room** adalah dibenarkan;

Syarat dan garis panduan lain adalah seperti Perincian lanjut digariskan dalam Lampiran A.

Penggunaan Pusat Boling hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Bagi kesediaan operasi Fasa Peralihan, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

## **1. TANGGUNGJAWAB PENGGUNAAN PUSAT BOLING DIBAHAGIKAN KEPADA TIGA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM, TEMPAHAN AND PERATURAN PUSAT BOLING**

### a. Garis Panduan Umum.

- (1) Membuat **pendaftaran dan rekod** yang sesuai di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan. (Setiap Pusat perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang [www.healthinfo.gov.bn/register](http://www.healthinfo.gov.bn/register) untuk penjanaan QR code bagi pendaftaran pemain) dan mengemaskini had kapasiti kemasukan 50% dalam satu masa;
- (2) Melaksanakan **pemeriksaan suhu badan dan menyediakan sanitasi** di pintu masuk dan di tempat yang bersesuaian;
- (3) Hanya individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan mempunyai **Bruhealth code berwarna hijau atau kuning** sahaja dibenarkan;
- (4) Dibenarkan **4 pemain bagi satu lane** dalam satu masa;
- (5) Penggunaan **house ball** dan **house shoes** adalah dibenarkan;
- (6) **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 50%**. Walaubagaimanapun **perkhidmatan buffet adalah tidak dibenarkan**;
- (7) Membersihkan dan **mensanitasi peralatan Pusat Boling sebelum dan selepas** digunakan;
- (8) Pengguna hendaklah **membawa tuala dan botol air sendiri**;
- (9) **Menjaga kebersihan diri** sepanjang masa;
- (10) **Penjarakkan sosial sekurang-kurangnya 1.5 meter** hendaklah dilakukan sepanjang masa;
- (11) Kemudahan **locker room** Pusat Boling dibenarkan;
- (12) **Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19** hendaklah dipaparkan;
- (13) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148**.

b. Tempahan.

- (1) Pusat Boling hendaklah **menyelenggara sistem tempahan dan jadual masa** bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pengguna;
- (2) Jumlah maksimum pengguna setiap jam hendaklah ditentukan oleh pihak Pusat Boling dan mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan iaitu **dingkatkan kepada 4 pemain bagi satu lane** dalam satu masa;

c. Peraturan Pusat Boling.

- (1) **Jumlah maksimum pengguna** ditentukan oleh pihak Pusat Boling;
- (2) Tempoh **penggunaan tidak dihadkan**;
- (3) **Penganjuran Pertandingan adalah tidak dibenarkan**;
- (4) **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 50%**. Walaubagaimanapun **perkhidmatan buffet adalah tidak dibenarkan**;
- (5) Penggunaan **tandas** dibenarkan dan perlu **disanitasi setiap masa**;
- (6) Pihak Pusat Boling hendaklah menyediakan **prosedur bagi memastikan keperluan penjarakkan sosial** dipatuhi;
- (7) Penggunaan **house ball dan house shoes** adalah dibenarkan;
- (8) Pihak Pusat Boling hendaklah **menyediakan prosedur bagi memastikan peralatan pusat** masing-masing adalah selamat digunakan dan amalan sanitasi dilaksanakan;
- (9) Semua petugas Pusat Boling hendaklah **memakai face mask**;
- (10) Pengguna digalakkan untuk **membawa disinfectant sendiri** sebagai perlindungan;
- (11) Memastikan Pusat Boling mempunyai **aliran udara yang baik**.

## **2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA**

### **a. Pendaftaran.**

- (1) Pengguna digalakkan **mendaftar secara advanced (pre-booking);**
- (2) Pengguna hendaklah **mengimbas QR code Pusat Boling** sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan.

### **b. Tanggungjawab Pengguna.**

- (1) Pemain hendaklah **memakai sungkup muka;**
- (2) Pengguna hendaklah sentiasa memastikan **menjaga jarak sekurang-kurangnya 1.5 meter;**
- (3) **Menjaga kebersihan diri** sepanjang masa;
- (4) **Menggunakan peralatan persendirian** seperti bola boling dan kasut adalah digalakkan.
- (5) **Memakai pakaian yang bersesuaian** untuk melindungi kulit;
- (6) **Membawa disinfectant sendiri** sebagai perlindungan.